



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18/12/2018



Dr Mahathir melawat pameran selepas sesi dialog dengan lebih 50 peserta industri teknologi tinggi yang dianjurkan Kumpulan Industri Kerajaan untuk Teknologi Tinggi (MIGHT) di Cyberjaya, semalam.

Kerajaan akan kurangkan lagi kerenah birokrasi: PM

BH - 18/12/2018 m/s 24

➔ Proses kelulusan bagi pelaksanaan projek dipercepat

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@nstp.com.my

Kerajaan akan mengurangkan lagi kerenah birokrasi bagi mempercepatkan proses kelulusan bagi pelaksanaan projek di negara ini.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan berusaha men-

gurangkan jumlah kelulusan yang diperlukan.

Kerajaan, katanya, sentiasa meningkatkan kepatutan kerja membabitkan sesuatu kelulusan, namun orang awam tidak tahu, kelulusan perlu diperoleh membabitkan pelbagai pihak berkuasa yang mana menjadikan proses kelulusan lambat.

"Contohnya, bagi mendapatkan kelulusan projek di Pulau Langkawi, anda perlu mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan pejabat daerah.

Prosedur panjang

"Prosedur birokrasi kekal panjang dan membosankan. Justeru, kita akan mengurangkannya supaya selepas menghantar (permohonan) mungkin hanya

memerlukan dua atau tiga kelulusan daripada pihak berkuasa yang berbeza," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi dialog dengan lebih 50 peserta industri teknologi tinggi yang dianjurkan Kumpulan Industri Kerajaan untuk Teknologi Tinggi (MIGHT) di Cyberjaya, semalam.

Hadir sama, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Darell Leiking, Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof dan Pengerusi MIGHT, Tan Sri Dr Ir Ahmad Tajuddin Ali.

Perdana Menteri meluangkan kira-kira sejam berin-

teraksi dengan peserta industri dan melawat ruang pameran MIGHT Technomart yang mempamerkan kepelbagaian inovasi dan teknologi oleh syarikat berteknologi tinggi tempatan.

Ikut kehendak pengguna

Mengenai pembangunan teknologi, Dr Mahathir berkata, peserta industri perlu memastikan teknologi yang dibangunkan memenuhi kehendak sebenar pengguna.

Contohnya, membangunkan telefon pintar dengan aplikasi terhad tetapi memenuhi keperluan asas pengguna, katanya.

Beliau juga mencadangkan pembangunan teknologi bagi memantapkan lagi pengurusan sampah yang mana pengasingan sampah dapat dilakukan dengan lebih cekap lagi.